



30 September 2022
30 September 2022
P.U. (A) 306

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH ARKITEK (PINDAAN) 2022

ARCHITECTS (AMENDMENT) RULES 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ARKITEK 1967

KAEDAH-KAEDAH ARKITEK (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Arkitek 1967 [*Akta 117*], Lembaga Arkitek Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Arkitek (Pindaan) 2022**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2022.

Pindaan kaedah 11

2. Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 [*P.U. (A) 379/1996*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 11, dengan menggantikan perkataan “satu ribu” dengan perkataan “lima ribu”.

Pindaan kaedah 16

3. Kaedah 16 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “30 Jun” dengan perkataan “31 Disember”.

Pindaan kaedah 16A

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 16A dengan kaedah yang berikut:

“Fi 16A. (1) Fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama yang kena dibayar kepada Lembaga hendaklah dibayar dalam bentuk kiriman wang, draf bank, cek, pemindahan wang secara elektronik atau apa-apa bentuk yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, mengurangkan sebahagian atau keseluruhan fi yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga.”.

Pindaan kaedah 22

5. Kaedah 22 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “secara bertulis pada atau sebelum 31 Januari” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “secara bertulis atau melalui suatu platform elektronik pada atau sebelum 31 Disember”; dan
- (b) dengan memotong perkataan “tahun berikutan” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan kaedah 29

6. Kaedah 29 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Kecuali dengan kelulusan Lembaga yang diberikan terlebih dahulu atas sebab khas, seseorang Arkitek hanya boleh menandatangani suatu perjanjian perkhidmatan perundingan seni bina mengikut—

- (a) Kaedah-Kaedah Arkitek (Skala Fi Minimum) 2010 [P.U. (A) 53/2010];
- (b) Syarat-syarat Guna Khidmat dalam Bahagian Satu Jadual Ketiga; dan
- (c) Memorandum Perjanjian dalam:
 - (i) Borang A, Bahagian Satu Jadual Keempat; atau
 - (ii) Borang B, Bahagian Satu Jadual Keempat.”.

Pindaan kaedah 30A

7. Kaedah 30A Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas subkaedah (2) subkaedah yang berikut:

“(3) Dalam hal suatu pertubuhan perbadanan yang didaftarkan sebagai pengamal perundingan seni bina yang mempunyai pengarah tunggal, pengarah itu hendaklah merupakan seorang Arkitek.”.

Pindaan Jadual Keempat

8. Jadual Keempat kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam Bahagian Satu—

(a) dengan menggantikan kepala Jadual Keempat dengan kepala yang berikut:

“JADUAL KEEMPAT
BAHAGIAN SATU

BORANG A
[Subperenggan 29(1)(c)(i)]; dan

(b) dengan memasukkan selepas Borang A borang yang berikut:

“BORANG B
[Subperenggan 29(1)(c)(ii)]

MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA KLIEN DENGAN ARKITEK UNTUK
PERKHIDMATAN PERUNDINGAN SENI BINA DAN LEMBAGA SEBAGAI PEMEGANG
TARUH BAGI FI

MEMORANDUM PERJANJIAN yang dibuat pada _____ haribulan _____ 20 ____

ANTARA _____

(kemudian daripada ini disebut sebagai “Klien”) pada satu pihak,

DENGAN _____
yang menjalankan amalan sebagai Arkitek di

_____ di bawah gaya (*nama *pemilikan tunggal/perkongsian/pertubuhan perbadanan*)

_____ (kemudian daripada ini disebut sebagai “Arkitek”) pada pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Klien berhasrat untuk melantik Arkitek untuk memberikan perkhidmatan perundingan seni bina (perihalkan skop perkhidmatan)

_____ untuk projek yang diperihalkan di sini (nyatakan tajuk projek dan lokasi)

_____ (kemudian daripada ini disebut “Projek”).

MAKA DENGAN INI dipersetujui seperti yang berikut:

1. Klien dengan ini melantik Arkitek untuk memberikan perkhidmatan perundingan seni bina untuk Projek itu tertakluk kepada dan mengikut Syarat-Syarat Guna Khidmat Arkitek sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 dan Arkitek dengan ini menerima pelantikan itu bagi maksud memberikan perkhidmatan perundingan seni bina bagi Klien itu, tertakluk kepada dan mengikut Syarat-Syarat Guna Khidmat Arkitek.
2. Memorandum Perjanjian ini, Syarat-Syarat Guna Khidmat Arkitek dan Kaedah-Kaedah Arkitek (Skala Fi Minimum) 2010 hendaklah membentuk Perjanjian antara Klien dengan Arkitek.
3. Pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa semua fi yang perlu dibayar oleh Klien mengikut perjanjian hendaklah didepositkan sebagaimana dan apabila telah sampai tempohnya dan perlu dibayar, dengan Lembaga sebagai pemegang taruh selaras dengan Perjanjian ini.

4. Arkitek hendaklah mengemukakan kepada Lembaga Borang Pelantikan Pemegang Taruh yang telah lengkap, sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa, yang membenarkan Lembaga bertindak sebagai pemegang taruh untuk mentadbir fi Arkitek bagi pihak Klien dan juga Arkitek.
5. Arkitek hendaklah mendapatkan pengesahan bertulis Klien bagi penyiapan dan penerimaan kerja setelah selesai setiap fasa kerja yang digariskan dalam Borang Pelantikan Pemegang Taruh. Apabila menerima pengesahan itu, Arkitek hendaklah mengemukakan tuntutan kepada Klien yang akan membuat bayaran kepada Lembaga dalam tempoh yang dinyatakan dalam Borang Pelantikan Pemegang Taruh.
6. Semasa kerja-kerja itu dijalankan, Arkitek hendaklah memaklumkan kepada Lembaga mengenai apa-apa perubahan kepada kuantum keseluruhan fi Arkitek.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS kedua-dua pihak dengan ini telah menurunkan tandatangan masing-masing pada hari dan tahun yang terdahulu disebut.

DITANDATANGANI OLEH:

Untuk dan bagi pihak
KLIEN

(Tandatangan Klien)

Nama: _____
(Saksi)

Alamat: _____

(Tandatangan Saksi)

DITANDATANGANI OLEH:

_____	_____
Untuk dan bagi pihak ARKITEK	(Tandatangan Arkitek)
Nama: _____	
(Saksi)	
Alamat: _____	

_____	_____
	(Tandatangan Saksi)

**potong yang tidak berkenaan*.*

Kecualian dan peralihan

9. Bagi maksud tahun kewangan yang sedang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, tempoh antara permulaan tahun kewangan tersebut sehingga berakhirnya tahun kewangan itu pada 31 Disember tahun yang sama hendaklah disifatkan sebagai tahun kewangan yang lengkap.

Dibuat 26 September 2022
[KKR.PUU.110-1/2/2]ld.3; PN(PU2)45/VI]

DATIN Ar. YONG RAZIDAH BINTI RASHID
*Yang Dipertua
Lembaga Arkitek Malaysia*

Diluluskan 29 September 2022

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Kanan Kerja Raya

ARCHITECTS ACT 1967

ARCHITECTS (AMENDMENT) RULES 2022

IN exercise of the powers conferred by section 35 of the Architects Act 1967 [Act 117], the Board of Architects Malaysia, with the approval of the Minister, makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) This rules may be cited as the **Architects (Amendment) Rules 2022**.
- (2) This Rules comes into operation on 1 October 2022.

Amendment of rule 11

2. The Architects Rules 1996 [*P.U. (A) 379/1996*], which is referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 11, by substituting for the words “one thousand” the words “five thousand”.

Amendment of rule 16

3. Rule 16 of the principal Rules is amended by substituting for the words “30 day of June” the words “31 December”.

Amendment of rule 16A

4. The principal Rules is amended by substituting for rule 16A the following rule:

“Fees 16A. (1) The fees as prescribed in Part Two of the First Schedule made payable to the Board shall be paid in the form of money order, bank draft, cheque, an electronic fund transfer or any other form as determined by the Board.

(2) The Board may, with the approval of the Minister, reduce partly or wholly any fees prescribed in Part Two of the First Schedule as the Board deems necessary.”.

Amendment of rule 22

5. Rule 22 of the principal Rules is amended—

(a) by substituting for the words “in writing on or before 31 January” wherever appearing the words “in writing or through an electronic platform on or before 31 December”; and

(b) by deleting the words “following the year” wherever appearing.

Amendment of rule 29

6. Rule 29 of the principal Rules is amended by substituting for subrule (1) the following subrule:

“(1) Except with the prior approval of the Board given for special reasons, an Architect shall only enter into an agreement for architectural consultancy services according to—

(a) the Architects (Scale of Minimum Fees) Rules 2010 [P.U. (A) 53/2010];

(b) the Conditions of Engagement in Part One of the Third Schedule; and

(c) the Memorandum of Agreement in:

(i) Form A, Part One of the Fourth Schedule; or

(ii) Form B, Part One of the Fourth Schedule.”.

Amendment of rule 30A

7. Rule 30A of the principal Rules is amended by inserting after subrule (2) the following subrule:

“(3) In the case of a body corporate registered as an architectural consultancy practice having a single director, the director shall be an Architect.”.

Amendment of Fourth Schedule

8. The Fourth Schedule to the principal Rules is amended in Part One—

(a) by substituting for the heading of the Fourth Schedule with the following heading:

“FOURTH SCHEDULE

PART ONE

FORM A

[Subparagraph 29(1)(c)(i)]; and

(b) by inserting after FORM A the following form:

“FORM B

[Subparagraph 29(1)(c)(ii)]

MEMORANDUM OF AGREEMENT BETWEEN THE CLIENT AND THE ARCHITECT FOR
ARCHITECTURAL CONSULTANCY SERVICES AND THE BOARD AS THE STAKEHOLDER
FOR THE FEES

MEMORANDUM OF AGREEMENT made this _____ day of _____ 20 ____

BETWEEN _____

(hereinafter called “the Client”) of the one part,

AND _____
practising Architect(s) at _____

under the style of (*name of *sole proprietorship/partnership/body corporate*)

(hereinafter called "the Architect") of the other part.

WHEREAS the Client is desirous of appointing the Architect to provide architectural
consultancy services (describe the scope of works)

for the project described herein (indicate the project title and location)

(hereinafter called "the Project").

NOW IT IS HEREBY agreed as follows:

1. The Client hereby appoints the Architect to provide architectural consultancy services for the Project subject to and in accordance with the Conditions of Engagement of an Architect as prescribed in the Architects Rules 1996 and the Architect hereby accepts the appointment for the purpose of providing architectural consultancy services for the Client, subject to and in accordance with the Conditions of Engagement for an Architect.
2. This Memorandum of Agreement, the Conditions of Engagement of an Architect and the Architects (Scale of Minimum Fees) Rules 2010 shall constitute the Agreement between the Client and the Architect.
3. The parties hereby agree that all the fees payable by the Client in accordance with this Agreement shall be deposited as and when they become due and payable, with the Board as a stakeholder in accordance with this Agreement.

- 4. The Architect shall submit to the Board the duly executed Stakeholder Appointment Form, as to be determined by the Board from time to time, authorizing the Board to administer the Architect’s fees on behalf of the Client and Architect.

- 5. The Architect shall obtain the Client’s written confirmation of the completion and acceptance of works upon completion of each phase of works outlined in the Stakeholder Appointment Form. Upon receiving such confirmation, the Architect shall submit his claim to the Client who shall make payment to the Board within the period stipulated in the Stakeholder Appointment Form.

- 6. During the course of the works, the Architect shall notify the Board of any changes to the overall quantum of the Architect’s fees.

IN WITNESS WHEREOF the parties have hereinto set their hands on the day and year first above written.

SIGNED BY:

For and on behalf of the
CLIENT

(Signature of Client)

Name: _____
(Witness)

Address: _____

(Signature of Witness)

SIGNED BY:

For and on behalf of the
ARCHITECT

(Signature of Architect)

Name: _____
(Witness)

Address: _____

(Signature of Witness)

**delete whichever is not applicable”.*

Savings and transitional

9. For the purposes of financial year for the time being in force immediately before the date of coming into operation of this Rules, the period from the beginning of the financial year until its end on 31 December of the same year shall be deemed as a complete financial year.

Made 26 September 2022
[KKR.PUU.110-1/2/2]d.3; PN(PU2)45/VI]

DATIN Ar. YONG RAZIDAH BINTI RASHID
President
Board of Architect Malaysia

Approved 29 September 2022

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Senior Minister of Works